

30/06/1998

Gubahan Rokiah berpandu naluri

Khairana Sabtu

MELIHAT kepada susunan pentas dan gubahan bunga di dalam Dewan Tun Hussien Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sepanjang Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, pasti ramai terperanjat apabila mengetahui ia dihasilkan oleh seorang wanita sahaja.

Rokiah Ahmad, 42, adalah orang yang bertanggungjawab menentukan bentuk gubahan di samping menetapkan jenis bunga yang diperlukan bagi menyesaikannya dengan acara yang sedang berlangsung.

Tahun ini adalah kali kedua Rokiah ditugaskan oleh Putrade Property Management Sdn Bhd (Putrade) untuk turut serta menjayakan acara gemilang itu.

"Memang ramai tidak percaya sayalah satu-satunya penggubah bunga di sini. Memang saya seorang yang membuat rekaan bunga dan di mana ia sepatunya diletakkan.

"Bagaimanapun, saya turut dibantu oleh beberapa teman yang dibayar mengikut masa atau bekerja secara sambilan. Namun jika saiz acara itu hanya sederhana, saya seorang yang melakukannya," katanya.

Rokiah menyifatkan, gubahan bunga dan hiasan pentas untuk Perhimpunan Agung Umno sebagai mudah memandangkan ia hanya membabitkan tiga warna utama iaitu merah, putih dan kuning.

Ibu kepada enam anak ini hanya memulakan kerjaya sebagai penggubah bunga di usia yang agak lewat iaitu sekitar 30-an.

Menurut Rokiah, beliau tidak mendapat sebarang kursus secara formal dalam gubahan bunga sebaliknya menggubah mengikut nalurinya.

"Saya memang meminati kerja yang berseni dan memerlukan penelitian. Hati saya puas apabila melihat hasil kerja menjadi.

"Saya tidak pernah mengikuti sebarang kursus gubahan bunga. Saya belajar mengenai gubahan secara tidak langsung apabila bekerja dengan salah sebuah hotel di Jalan Ampang sebagai Ketua Penggubah Bunga.

"Dari situlah saya belajar membuat gubahan dan hiasan pentas mengikut kesesuaian acara seperti perkahwinan, mesyuarat, pelancaran barangan dan pertunjukan fesyen.

"Malah, saya pernah menyiapkan pelamin untuk salah seorang anak lelaki Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Menurut Rokiah tugasnya sebagai Penggubah Bunga di Putrade banyak mengajarnya cara mengurus dan mengira peruntukan yang diperlukan bagi satu-satu majlis.

Contohnya, sewaktu Perhimpunan Agung Umno, sebanyak lapan jenis bunga digunakan bagi menghias dewan, meja dan bilik VIP antaranya orkid, ros, carnation, chrysanthemum, white peacoc dan alphinia ginger.

Selain menggubah bunga dan menghias pentas, Rokiah juga berkebolehan menjahit pakaian.

Sebelum menceburi bidang gubahan bunga, beliau pernah memiliki kedai menjahit di Jengka, Pahang, serta kelas menjahit di Kuala Lumpur.

Kemahirannya dalam bidang jahitan terbukti apabila beliau turut terbabit dalam menghasilkan kostum untuk drama bersiri Tun Perak dan terakhir filem Sayang Salmah.

"Minat utama saya adalah jahitan. Bagaimanapun, ia banyak mengambil masa sehingga tidak dapat menumpukan perhatian kepada tugas lain.

"Sebagai isteri dan ibu saya perlu memastikan rumah tangga berjalan lancar tetapi menjahit membuatkan masa saya banyak dihabiskan di kedai.

"Sedangkan tugas di sini agak longgar. Saya hanya sibuk apabila ada

acara besar atau utama seperti Perhimpunan Agung Umno. Selebihnya, saya hanya membuat gubahan kecil seperti untuk meja makan atau meja persidangan," katanya.

(END)